



Academic

Samsiar nekad balas pengorbanan ibu

13 November 2018

Kuantan, 10 November - "Saya hadiahkan kejayaan ini kepada ibu saya, seorang ibu tunggal yang telah bekerja keras membesarkan saya dan kakak sejak kehilangan ayah 11 tahun yang lalu," kata graduan Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian, Samsiar Shamsuddin yang menerima Anugerah Profesor Dato' Dr. Mashitah Mohd Yusoff pada Konvokesyen ke-13 Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Beliau nekad mahu membalas jasa ibunya, Samsidar Saguni, 53, yang banyak berkorban dan

memberi sokongan kepada beliau untuk berjaya dalam setiap bidang yang diceburinya. Graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) itu berkata, walaupun sibuk dengan pelbagai program kesukarelawanan serta penganjuran program di universiti, baginya keutamaan akan tetap diberikan kepada akademik.

"Jangan pernah berputus asa walaupun kita menghadapi kegagalan serta saat-saat sukar. Kegagalan bermaksud Allah hendak kita kuat dan bangkit semula untuk mencapai kejayaan dan sentiasa melihat aspek positif dalam kehidupan", ujar beliau. Graduan kelahiran Tawau, Sabah berkata, UMP merupakan sebuah universiti yang telah melahirkan ramai graduan yang berkualiti dan berkemahiran tinggi seiring dengan tuntutan industri pada masa kini. Kecekapan serta kreadibiliti UMP yang mempunyai pendidik yang berkualiti serta mempunyai pengetahuan luas dalam bidang masing-masing mampu dimanfaatkan oleh mahasiswa.

Samsiar yang pernah terpilih mewakili universiti ke pertandingan "Test Design Competition 2017 (University Category)" anjuran SOFTECA Asia berharap agar mampu menjadi seorang yang boleh menjadi inspirasi dan impak positif kepada orang lain. "Banyak lagi perkara yang perlu saya pelajari dan kejar disamping mampu membalas segala pengorbanan ibu saya bagi memastikan saya berjaya pada hari ini," katanya.

- 181 views

[View PDF](#)